



**PEJABAT HUTAN DAERAH KINTA/MANJUNG,  
BAHAGIAN PERHUTANAN AM & KEWANGAN  
31000 BATU GAJAH,  
PERAK DARUL RIDZUAN.**

TEL : 05-3661228

FAX : 05-3651679

Ruj.Kami: Bil.(25) dlm. P.H.D.K/M.400/02/06 Jld.1

Tarikh : 17 Oktober 2022

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera atau bukan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **221502 – MESIN DAN PERALATAN PEJABAT** serta berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan untuk melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL	NOMBOR DAN TAJUK SEBUTHARGA	LAWATAN TAPAK/TEMPAT BERKUMPUL	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, TEMPAT DAN MASA SEBUTHARGA DITUTUP
1.	<b>No. Sebutharga:</b> P.H.D.K/M. 6/2022  <b>Perkhidmatan:-</b> <b>PERKHIDMATAN SEWAAN MESIN PENYALIN 8 UNIT DI PEJABAT HUTAN DAERAH KINTA/MANJUNG.</b>	<b>Tarikh:</b> 20 Oktober 2022 (Khamis)  <b>Jam:</b> 9.00 Pagi  <b>Tempat:</b> Bilik Mesyurat Pejabat Hutan Daerah Kinta/Manjung Batu Gajah, Perak.	<b>Tarikh :</b> Mulai 20 Oktober 2022 (Khamis)  <b>Waktu:</b> 8.00am–1.00pm (Isnin – Khamis)  8.00am –12.00t/hari (Jumaat)  <b>Tempat:</b> Pentadbiran Pejabat Hutan Daerah Kinta/Manjung Batu Gajah, Perak.	<b>Tarikh Tutup:</b> 27 Oktober 2022 (Khamis)  <b>Tempat:</b> Bilik Tender , Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Ipoh.  <b>Masa:</b> 12.00 tengahari

1. Kontraktor yang berminat untuk menyertai sebutharga ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi taklimat sebutharga sepertimana ketetapan di dalam kenyataan sebutharga.
2. Hanya penama syarikat yang sah sahaja dibenarkan menghadiri dan perlu membawa dan menyerahkan sesalinan:
  - a) **Kad Pengenalan pemilik syarikat;**
  - b) **Sijil pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Suruhjaya Syarikat Malaysia(SSM) ; dan**
  - c) **Pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM).**
3. Dokumen Sebutharga boleh dibeli mulai **20 Oktober (Khamis) sehingga sebelum tutup Sebutharga** pada waktu pejabat di Pentadbiran Pejabat Hutan Daerah Kinta/Manjung, Batu Gajah, Perak.
4. Dokumen Sebutharga akan dijual dengan harga **RM20.00 senaskhah** kepada Kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang sah sahaja. Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Wang Pos** atau **Bank Deraf** atas nama "**BENDAHARI NEGERI PERAK**". Bayaran secara **Wang Tunai tidak akan diterima**. Semasa pembelian dokumen Sebutharga, penama juga **DIWAJIBKAN** untuk mengemukakan bersama Salinan Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak bagi tahun semasa.
5. Penama-penama atau wakil-wakilnya juga diminta untuk mengemukakan bersama **Sijil Pendaftaran Asal yang masih Aktif** yang dikeluarkan oleh **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dan Resit Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak.**
6. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermenteri yang ditulis di penjuru kanan Sampul Surat No. Sebutharga yang dialamatkan seperti di bawah dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang disediakan di **Bilik Tender, Aras G, JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK, PERSIARAN MERU UTAMA, BANDAR MERU RAYA, 30020 IPOH, PERAK PADA ATAU SEBELUM 27 Oktober (Khamis) pada jam 12.00 tengahari.**
7. Pemilihan kontraktor yang berjaya adalah berdasarkan analisa sistem 'cut-off'. Oleh yang demikian, kerajaan tidak terikat untuk menerima sebutharga terendah atau sebarang sebutharga.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 "  
 "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

**(AZQAN DALILA BIN AHMAD TAJUDIN)**

Pemelihara Hutan  
 Pegawai Hutan Daerah,  
 Kinta/ Manjung,  
 Batu Gajah.

s.k.- Fail Timbul.

" PERAK SEJAHTERA 2030 "

" JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK ADALAH KOMITED TERHADAP PEMATUHAN KEHENDAK MC&  
 (SFM) KE ARAH PENCAPAIAN MATLAMAT PENGURUSAN HUTAN SECARA BERKEKALAN